

Tanda Aras Indeks Pasaran Ekuiti di Malaysia

FKLI

Niaga Hadapan FTSE
Bursa Malaysia KLCI

Didagangkan di
Bursa Malaysia

+0.56%

+2.86%

+16.5%


+56%

+3.76%

+8.5%

+32.4%


+24.7%



APA ITU FKLI?

FKLI ialah Kontrak Niaga Hadapan Indeks Komposit FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur (FBM KLCI) dalam Ringgit Malaysia (RM) yang didagangkan di Bursa Malaysia Derivatives di mana ia memberi peserta pasaran pendedahan kepada unsur-unsur pendasar FBM KLCI.

FKLI digunakan secara aktif oleh institusi dan runcit dalam portfolio dagangan masing-masing.



Ciri-ciri



SAIZ KONTRAK

FBM KLCI didarab dengan RM50.00



METODOLOGI PENYELESAIAN

Penyelesaian tunai



TURUN NAIK HARGA MINIMUM

0.5 mata indeks bernilai RM25.00

Apakah Kod Simbol untuk Kontrak FKLI?

- ▶ CME Globex®
BMD\FKLI\ kod bulan Kontrak yang relevan
Contoh: *BMD\FKLI\DEC20*
- ▶ Bloomberg
IKA Index CT <Go>
- ▶ Refinitiv
<FKLI> + <Kod Bulan> + <Kod Tahun>
Contoh: *<FKLIC1> / <FKLIZ0> DEC 2020 Kontrak*
- ▶ ICE Data Services
F: FKLI\MNN, yang mana M ialah kod bulan dan NN ialah nombor tahun
Contoh: *F: FKLI\Z20 untuk bulan Disember 2020 Niaga Hadapan FTSE Bursa Malaysia KLCI Kontrak*

MENGAPA BERDAGANG DALAM FKLI?



Akses Global

FKLI didagangkan secara elektronik melalui CME GLOBEX®, sebuah platform dagangan elektronik global. CME Globex® mudah diakses dan ia membolehkan pedagang individu dan profesional di seluruh dunia untuk mengakses kesemua produk Bursa Malaysia Derivatives.



Pengurusan Modal Secara Berhemat

Syarikat insurans atau pengurus dana dengan portfolio ekuiti boleh menggunakan FKLI sebagai alat pelindung nilai untuk melindung portfolio dari potensi penurunan indeks saham pendasar.



Perdagangan Leveraj

Peserta pasaran boleh menggunakan FKLI untuk memperoleh pendedahan yang lebih besar kepada turun naik harga yang mendasari indeks FBM KLCI.



Kos Kemasukan yang Rendah

Dalam menangani kekurangan tunai sementara, institusi boleh membeli FKLI sebagai satu pengganti sementara untuk memegang saham dan mencairkan kedudukan niaga hadapan setelah saham fizikal diperoleh. Ini melibatkan satu kemasukan yang murah (melalui deposit margin permulaan) dengan pendedahan yang sama kepada nilai saham pendasar tanpa kos pembelian langsung.



Boleh Melakukan Jualan Singkat

Apabila terdapat prospek pasaran penurunan, pedagang boleh menjual Kontrak FKLI terlebih dahulu untuk memulakan kedudukan jualan dan membeli kemudian pada harga yang lebih rendah untuk mengakhiri kedudukan dan sebaliknya.



Pendedahan Kepada Komponen FBM KLCI


Mendapat pendedahan kepada FBM KLCI yang terdiri daripada 30 syarikat terbesar yang tersenarai dalam Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan satu Kontrak niaga hadapan.

CONTOH PERDAGANGAN (PASARAN MENURUN)

SENARIO:

Dengan kebimbangan harga barang pengguna lebih tinggi dan keadaan ekonomi yang menurun secara keseluruhan, Sofia berpandangan bahawa pasaran akan menurun. Untuk memperoleh keuntungan daripada pasaran menurun, beliau boleh menggunakan Kontrak FKLI dengan cara berikut:

Indeks Niaga Hadapan (FKLI) didagangkan pada 1680



Perhatian:


1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka tertakluk kepada mark-to-market (nilai saksama) yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

CONTOH PERDAGANGAN (PASARAN MENAIK)

SENARIO:

Ryan telah memerhatikan pasaran saham dengan teliti kerana Pilihanraya Umum yang akan berlangsung. Dia menjangkakan pasaran akan meningkat selepas pilihanraya. Untuk memperoleh keuntungan daripada pasaran menaik, beliau boleh menggunakan Kontrak FKLI dengan cara berikut:

Indeks Niaga Hadapan (FKLI) didagangkan pada 1680



Perhatian:

1. Margin Awal perlu didepositkan dengan Broker Niaga Hadapan sebelum mula berdagang.
2. Kedudukan terbuka tertakluk kepada mark-to-market (nilai saksama) yang mungkin memerlukan deposit margin tambahan.
3. Kos transaksi telah dikecualikan dalam contoh ini.

CONTOH DAGANGAN

SOALAN LAZIM

SENARIO:

PERLINDUNGAN NILAI

Suatu kedudukan dimantapkan di satu pasaran dalam cubaan untuk mengimbangi pendedahan kepada turun naik harga dalam kedudukan bertentangan dalam pasaran lain dengan tujuan untuk meminimumkan pendedahan kepada risiko yang tidak diingini.

Pengurus dana berterusan memegang saham, dengan itu dedahan risiko kepada pasaran akan meningkat dalam pasaran menurun. Pengurus dana menjangkakan dalam masa dua bulan, harga saham akan bertambah nilai. Walau bagaimanapun, beliau bimbang peristiwa yang tidak dijangka boleh menyebabkan harga menurun sebelum masa dia mahu menjual sahamnya. Beliau memilih untuk berdagang di Bursa Malaysia Derivatives dan melindung nilai kedudukannya dengan menjual Kontrak Niaga Hadapan FKLI. Dengan berbuat demikian, beliau secara efektif bersetuju untuk mengunci harga jualan masa hadapannya hari ini melalui Kontrak yang akan tamat tempoh dalam masa dua bulan lagi.

MENGARBITRAJ

Apabila derivatif didagangkan di atas atau di bawah “nilai saksama” secara teori, adalah munasabah untuk melaksanakan strategi arbitraj dengan membeli atau menjual derivatif dan dengan serentak menjual atau membeli saham pendasar.

Pengurus dana menyedari bahawa harga hubung kait pasaran tunai dan pasaran hadapan FKLI telah melencong daripada kebiasaan spread, dan FKLI didagangkan pada harga premium yang tinggi kepada pasaran tunai. Dia mengambil keputusan untuk menjual FKLI dan membeli saham pendasar dalam pasaran saham untuk mengarbitraj. Kedudukan akan dicairkan kemudian apabila spread harga antara kedua-dua pasaran kembali kepada harga saksamanya.

1. Bagaimakah saya boleh memulakan perdagangan FKLI?

Anda dikehendaki membuka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan Broker Niaga Hadapan, dan juga perlu membuat deposit tunai atau cagaran dengan broker anda sebelum anda dapat memulakan perdagangan.

2. Apakah keperluan margin untuk FKLI?

Sila rujuk kepada Broker Niaga Hadapan pilihan anda untuk keperluan margin terkini atau anda boleh merujuk kepada https://www.bursamalaysia.com/trade/trading_resources/derivatives/circulars (Perubahan dalam Kadar Margin Prestasi).

3. Adakah terdapat perbezaan antara harga FKLI dengan FTSE Bursa Malaysia KLCI?

Harga FKLI dan indeks pendasarnya iaitu FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) akan berkait rapat dan akan bertumpu ke arah tamat tempoh Kontrak FKLI. Hal ini kerana apabila tamat tempoh, FKLI akan diselesaikan secara tunai berdasarkan Nilai Penyelesaian Akhir, yang diperoleh daripada nilai purata FBM KLCI dari 15:45:30 hingga 16:45:15 ditambah satu nilai setelah 1700 jam pada Hari Dagangan Akhir kecuali 3 nilai tertinggi dan 3 nilai terendah. Sila rujuk spesifikasi Kontrak FKLI untuk perincian lengkap berkenaan dengan metodologi pengiraan Nilai Penyelesaian Akhir.

Walaupun harga FKLI dan FBM KLCI secara umum bergerak ke arah yang sama, akan ada keadaan apabila mungkin terdapat herotan sementara dalam harga masa depan dan tahap indeks pendasar. Ini memberi peluang kepada para pengarbitrari untuk melakukan pembelian daripada pasaran dengan harga yang lebih rendah, dan penjualan di pasaran dengan harga yang lebih tinggi secara serentak, untuk memperoleh keuntungan daripada ketaktekan dalam harga. Kehadiran aktiviti-aktiviti perdagangan antara pasaran seperti ini memastikan penumpuan kedua-dua pasaran.

SOALAN LAZIM

4. Adakah perlu saya menunggu sehingga Kontrak matang untuk merealisasikan keuntungan dan kerugian saya?

Tidak. Anda boleh menutup kedudukan anda pada bila-bila masa ketika waktu pasaran sebelum Kontrak matang. Sekiranya anda mempunyai satu Kontrak FKLI yang panjang, anda perlu menjual satu Kontrak FKLI pada bulan Kontrak yang sama untuk menutup kedudukan anda. Dengan menutup kedudukan anda, keuntungan atau kerugian anda akan dapat direalisasikan berdasarkan perbezaan harga beli dan jual Kontrak yang sama.

5. Apakah bulan-bulan Kontrak yang tersedia untuk perdagangan?

Terdapat empat bulan Kontrak yang tersedia untuk perdagangan, iaitu Kontrak bulan terkini, Kontrak bulan berikutnya dan Kontrak-kontrak suku tahunan dua bulan berikutnya. Sebagai contoh, pada Disember 2020, empat Kontrak yang tersedia untuk perdagangan adalah Kontrak bulan terkini pada Disember 2020, Kontrak bulan berikutnya pada Januari 2021 dan Kontrak-kontrak suku tahunan pada Mac 2021 dan Jun 2021.

6. Perlukah saya memegang semua saham di FBM KLCI untuk berdagang FKLI?

Tidak, anda tidak perlu memiliki saham di FBM KLCI untuk berdagang FKLI. Anda juga tidak perlu menyerah atau menerima sebarang saham konstituen indeks pendasar apabila tamat tempoh Kontrak FKLI yang akan diselesaikan secara tunai.

Buka Akaun Dagangan Niaga Hadapan dengan salah satu Broker Niaga Hadapan berlesen Bursa Malaysia Derivatives untuk mula berdagang.

Sila rujuk senarai Peserta Dagangan kami di
www.bursamalaysia.com

Untuk maklumat lanjut dan kemas kini terkini:
Layari laman web Bursa Malaysia



Penafian:

Risalah ini disediakan untuk tujuan maklumat umum sahaja. Maklumat yang terkandung di dalamnya bukanlah nasihat kewangan atau perdagangan dan ia tidak mengesyorkan mana-mana produk yang dinyatakan di sini. Walaupun langkah-langkah telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat dalam risalah ini, Bursa Malaysia Berhad dan syarikat kumpulannya termasuk Bursa Malaysia Derivatives Berhad (“Bursa Malaysia”) tidak menjamin atau mewakili, secara nyata atau tersirat mengenai ketepatan atau kesempurnaan maklumat di dalamnya. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menjamin atau menjamin prestasi apa-apa produk yang dirujuk dalam risalah ini.

Semua undang-undang, keperluan pengawalseliaan dan peraturan yang terpakai, termasuk Peraturan semasa Bursa Malaysia Derivatives dan Peraturan Bursa Derivatives Clearing hendaklah dirujuk selaras dengan risalah ini. Bursa Malaysia Derivatives dan Kumpulan Bursa Malaysia tidak menerima apa-apa liabiliti untuk mana-mana keputusan kewangan atau perdagangan yang dibuat atas dasar maklumat ini. Anda dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat bebas sebelum membuat keputusan kewangan, pelaburan atau perdagangan.

BURSA MALAYSIA BERHAD
197601004668 (30632-P)
Exchange Square, Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(603) 2034 7000
Faks: +(603) 2026 3584
Emel: futures@bursamalaysia.com